



RUJ. KAMI (*Our Ref.*) : UMK.BC/B02.00/500-19/2 JLD 3 (26)  
TARIKH (*Date*) : 15 OKTOBER 2017

## SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Prof. / Tuan/ Puan,

### IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ingin mempelawa kakitangan di Universiti YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan, tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Oktober 2017 (Ahad)**. Maklumat lengkap yang mengandungi perkara-perkara seperti di lampiran hendaklah dikemukakan kepada:

**Pendaftar**  
**Pejabat Pendaftar**  
**Universiti Malaysia Kelantan**  
**Kampus Bachok**  
**Beg Berkunci No. 01**  
**16300 Bachok**  
**Kelantan**  
[www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)

4. Bersama ini saya lampirkan hebahan iklan berkaitan perkara tersebut untuk dimaklumkan kepada kakitangan di Universiti YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan.

2/...

Kerjasama YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**MEJ. (K) PAUZI PIN PAK CHU, P.S.K, P.P.S**

Pendaftar

Tel:09-779 7050/ 7101

E-mel: pauzi@umk.edu.my

b.p. Naib Canselor

## **SENARAI EDARAN**

Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras 7, Bangunan Canselori  
Universiti Malaya (UM)  
50603 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pendaftar  
Bangunan Canselori  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Gelugor  
Pulau Pinang

Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi  
Selangor

Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Sedang  
Selangor

Pendaftar  
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 UTM Johor Bahru  
Johor

Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 Shah Alam  
Selangor

Pengarah Eksekutif  
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Aras 3, Bangunan Rektor, P.O.Box 10  
50728 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok  
Kedah

Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
Aras 2, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak

Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Aras 4 Bangunan Pentadbiran  
88400 Kota Kinabalu  
Sabah

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Jalan Slim  
35900 Tanjong Malim  
Perak

Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan

Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
Mengabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu  
Terengganu

Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja  
Johor

Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
Melaka

Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
26600 Pekan  
Pahang

Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Tingkat 12 Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar  
Perlis

Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Aras 1, Pejabat Pendaftar Bangunan Canselori  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu

Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Kem Sungai Besi  
57000 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



## JAWATAN KOSONG

# UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN** merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

## 1.0 BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan: : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 1.2 Gred: : Gred Utama B (VU6)
- 1.3 Jadual Gaji Min-Mak (JGMM) : RM8,315.00 hingga RM22,445.00
- 1.4 Elaun : Imbuan Tetap Perumahan : RM1,600.00  
: Imbuan Tetap Keraian : RM3,050.00  
: Imbuan Tetap Jawatan Gred Utama : RM1,500.00  
: Elaun Pembantu Rumah : RM500.00  
: Bantuan Menyelenggara Rumah : RM2,000.00  
(setahun)
- 1.5 Taraf Jawatan : Tukar Sementara/ Pinjaman/ Kontrak
- 1.6 Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi).
- 1.7 Kelayakan dan Pengalaman : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas C (VK7).

## 2.0 KRITERIA PEMILIHAN

### 2.1 KRITERIA UMUM

**a. Kecemerlangan Akademik;**

Mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional.

**b. Pengiktirafan Antarabangsa;**

Mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

- c. **Kebolehan Memimpin dan Mengurus;**  
Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.
- d. **Reputasi;**  
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- e. **Personaliti;**  
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f. **Proaktif;**  
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- g. **Perwatakan;**  
Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h. **Pengurusan Konflik;**  
Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.
- i. **Potensi;**  
Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.

## 2.2 KRITERIA KHUSUS

- a. **Mempunyai Ph.D atau Kelayakan Profesional;**  
Perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi Ph.D. Penjawat juga mestilah seorang yang berkemahiran dalam urusan akreditasi memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas TNC(A&A).

- b. **Berpengalaman Dalam Pembentukan Kurikulum (*curriculum design*);**  
Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kokurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.
- c. **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran;**  
Penyandang adalah seorang yang dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LLL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.
- d. **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan;**  
Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Beliau juga hendaklah cemerlang dalam penyelidikan dan telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan di dalam negara dan luar negara.
- e. **Pengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya;**  
Penyandang juga perlu mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & Ph.D) dengan jayanya. Penyandang adalah bertanggungjawab dalam menguruskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian peringkat ijazah lanjutan.
- f. **Hal Ehwal Antarabangsa;**  
Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.
- g. Kriteria –kriteria lain yang bersesuaian berdasarkan *niche area* UMK.

### 3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Kelantan pada atau sebelum 29 Oktober 2017 (Ahad) dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:



- a. 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
- i. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat, tarikh lahir, umur, tempat lahir, nombor kad pengenalan, nombor telefon untuk dihubungi, jawatan terkini, majikan terkini dan tarikh persaraan wajib;
  - ii. Latar belakang pendidikan beserta bidang pengkhususan dan tahun diperoleh. Semua salinan sijil akademik dan yang berkaitan perlulah dikemukakan;
  - iii. Pengalaman kerjaya termasuk jawatan pengurusan dan pentadbiran universiti serta tahun dan tempoh;
  - iv. Pelantikan/ peminjaman di organisasi antarabangsa serta tahun dan tempoh;
  - v. Pencapaian/ penglibatan dalam projek berimpak tinggi (peringkat nasional dan antarabangsa) dalam tempoh memegang jawatan pentadbiran;
  - vi. Pencapaian/ penglibatan dalam bidang akademik (Pengajaran/ Latihan, Pembimbing Pasca Siswazah/ Pemeriksa, Penyelidikan/ Penerbitan, Afiliasi Profesional, Konsultansi). Sila nyatakan aktiviti/ program/ projek/ bilangan (dalam tempoh tiga tahun terkini);
  - vii. Senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal dan buku);
  - viii. Anugerah dan hadiah yang berprestij yang diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
  - ix. Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
  - x. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini ; dan
  - xi. Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).
- b. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

3.2 Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

- a. Encik Raja Azlan bin Raja Ismail  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
No. Tel : 09-7797057  
E-mel : [rajaazlan@umk.edu.my](mailto:rajaazlan@umk.edu.my)
- b. Salmi Syazwani binti Ab Kadir  
Penolong Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
No. Tel : 09-7797054  
E-mel : [salmi@umk.edu.my](mailto:salmi@umk.edu.my)

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:

**Pendaftar**

Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok  
Beg Berkunci No.01  
16300 Bachok  
KELANTAN DARUL NAIM

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemubual.

3.5 Tarikh tutup permohonan jawatan ialah pada **29 Oktober 2017 (Ahad)**.